

Perang Palestin- Israel

PM kecam AS veto gencatan senjata

Malaysia terus bidas kezaliman Israel lakukan genosid di Palestin

Oleh **Essa Abu Yamin** dan **Noor Atiqah Sulaiman**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengecam keras tindakan Amerika Syarikat (AS) memveto usul dikemukakan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) menuntut gencatan senjata kemanusiaan dilaksanakan segera di Gaza.

Perdana Menteri berkata, tiada sebab asas untuk mana-mana negara menafikan gencatan senjata di Palestin dan menggagalkan proses itu.

"Bagi pihak kerajaan Malaysia, saya mengutuk sekeras-kerasnya keputusan yang dibuat oleh AS untuk menentang gencatan senjata di Palestin pada peringkat UNSC.

"Walaupun semua hujah lain,

kita telah mencadangkan bahawa kita mesti menghentikan pembunuhan orang awam, bayi dan wanita yang tidak bersalah.

"Tiada asas langsung untuk sesiapa menafikan perkara ini (gencatan senjata) dan menggagalkan proses itu," katanya.

Beliau berkata demikian ditemui pemberita pada hari kedua Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI di Stadium Nasional Bukit Jalil, semalam.

"Satu dunia menempelak dan membantah (tindakan Israel) dan saya kesal dan bantah sikap AS yang tidak mempedulikan hak kemanusiaan.

"Saya bagi pihak kerajaan Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya, membantah terhadap keputusan AS menolak gencatan senjata dibawa UNSC.

"Tolonglah, kita mesti hentikan pembunuhan mereka yang tidak bersalah, orang awam, bayi dan wanita dan tidak terdapat sebab, tiada sebab langsung untuk mana-mana pihak menafikan perkara ini dan sebab itulah saya berasa sedih dengan keputusan melampau ini," katanya.

Kelmarin, AS dilapor menolak usul UNSC supaya gencatan sen-

jata kemanusiaan diadakan segera antara Israel dan Palestin.

Cadangan draf resolusi ringkas itu dikemukakan Emiriah Arab Bersatu (UAE) disokong 13 ahli lain, manakala Britain bertindak berkecuali.

Ancaman keselamatan

Undian itu dibuat selepas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres, memberi amaran kepada 15 anggota UNSC mengenai ancaman kepada keselamatan dan keamanan global akibat perang yang berlarutan selama dua bulan itu.

Rabu lalu, beliau menggunakan Artikel 99 Piagam PBB buat kali pertama sejak menjadi ketuanya pada 2017.

Timbalan Duta Besar Amerika Syarikat (AS) ke PBB, Robert Wood, berkata draf resolusi itu adalah teks tergesa-gesa dan tidak seimbang.

"Kami tidak menyokong resolusi ini untuk gencatan senjata yang tidak mampan yang hanya akan menanam 'benih' untuk perang seterusnya," katanya.

AS menawarkan pindaan besar kepada draf itu, termasuk mengutuk serangan Hamas yang



Anwar ketika ditemui wartawan selepas meninjau Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI di Stadium Nasional Bukit Jalil, semalam.

mana Israel mendakwa ia membunuh 1,200 orang dan 240 orang dijadikan tebusan.

Duta Besar Britain ke PBB, Barbara Woodward, berkata negaranya berkecuali kerana tiada kutukan terhadap Hamas dalam usul berkenaan.

Kementerian Kesihatan Gaza berkata lebih 17,480 orang terbunuh dan sebilangan besar 2.3 juta penduduk Palestin dihalau dari rumah mereka.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata kegagalan berterusan UNSC untuk menangani si-

tuasi meruncing di Gaza secara objektif adalah satu tindakan yang amat tidak adil dan sama sekali tidak menghiraukan nyawa manusia di Gaza.

"Saya amat kesal kerana UNSC gagal menerima pakai resolusi menuntut gencatan senjata kemanusiaan segera di Gaza yang disokong oleh 102 negara, termasuk Malaysia hanya kerana satu undi veto," katanya dalam hantaran di Twitter (X).

AS tolak gesaan gencatan senjata - Dunia 22